



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PENYIAPAN PROJEK LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI PAPAN, DAERAH KINTA, PERAK (PAKEJ 1) BERI MANFAAT KEPADA 250 RIBU PENDUDUK

IPOH, PERAK, 31 Januari 2025 – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan Lawatan Kerja ke Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetungan di Papan, Daerah Kinta, Perak (Pakej 1) yang turut dihadiri oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), hari ini. YAB Perdana Menteri turut berkesempatan melawat salah satu stesen pam kumbahan yang telah siap sepenuhnya di Taman Cempaka, Ipoh, Perak.

Projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau Dan Rangkaian Paip Pembetungan di Ipoh, Perak (Pakej 1) merupakan projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Air dan Pembetungan (JPP) di bawah peruntukan Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10) yang berjaya disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan. Skop Projek Pakej 1 ini melibatkan pembinaan sistem rangkaian paip pembetungan baharu sepanjang 88km, 9 buah stesen pam baharu, penyahtauliah dan perobohon 149 buah loji awam serta loji di premis kerajaan. Menerusi penyiapan projek ini, ianya telah memberi manfaat kepada kira-kira 250,000 penduduk di Ipoh, Perak dan mampu menampung sehingga 500,000 penduduk setempat menjelang 2045.

Pembinaan sistem rangkaian paip pembetungan moden ini bukan sahaja dapat mengurangkan masalah berkaitan sistem rawatan kumbahan sedia ada malah membolehkan penyambungan ke sistem rangkaian paip pembetungan daripada kawasan-kawasan pembangunan baharu. Selain itu, ia juga mampu mengurangkan potensi pencemaran sungai dan membantu memulihara kualiti air sungai melalui pelepasan efluen terawat yang mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Tambahan pula, sistem rangkaian paip pembedungan ini membolehkan penutupan 149 buah loji awam yang telah usang di sepanjang rangkaian, sekali gus membuka peluang untuk pembangunan lain di kawasan tapak-tapak loji lama tersebut.

Menerusi pelaksanaan projek ini, JPP yang merupakan agensi pelaksana pembedungan di seluruh negara telah melakar kejayaan menerima dua (2) pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records*, iaitu *Longest Single Curve Jacking Drive For 2100mm diameter Pipe* (832.5 meter), dan *Longest Distance 2100mm diameter Pipe jacking* (2,430.6 meter).

PETRA melalui JPP juga terus komited dalam menyediakan prasarana pembedungan negara yang cekap dan mampan demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
31 JANUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

